

23 DEC 1999

Sukan-Frost (Analisis Berita)

BANYAK PERSOALANNYA MENGENAI PELETAKAN JAWATAN FROST

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Dalam era yang mana ketelusan adalah perkataan yang lazim digunakan, banyak rahsia menyelubungi peletakan jawatan mengejut Morten Frost Hansen sebagai pengarah kejurulatihan pasukan badminton negara.

Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan Frost sendiri enggan memberikan sebab mengenai pengumuman menggemparkan itu yang dibuat menerusi kenyataan ringkas BAM.

Pihak media dan juga yang ada kaitan dengan sukan badminton tentunya tertanya-tanya mengapa Frost, yang dilantik ke jawatan itu pada Feb 1997 dan disifatkan oleh BAM sebagai kejayaan terbesar, membuat keputusan itu dengan tergesa-gesa, 15 bulan sebelum kontrak empat tahunnya berakhir.

"BAM telah bersetuju menamatkan kontrak Morten Frost atas dasar persetujuan bersama," itu sahaja yang dapat dikatakan oleh presdien BAM Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan berhubung perkara ini.

Frost, antara pemain terbaik badminton dunia pada zamannya, juga turut menyimpan rahsia apabila berkata sebab beliau meletakkan jawatan adalah urusan antara beliau dan BAM.

Tetapi menurut sumber, apabila jurulatih dari Denmark itu menerima jawatan tersebut, yang dilaporkan memberinya gaji RM50,000 sebulan dan kemudahan lain, beliau juga dijanjikan antara lain kebebasan memilih pemain untuk sesuatu kejohanan.

Bagaimanapun seperti juga yang sering berlaku dalam sukan-sukan yang lain di Malaysia, berlaku gangguan dalam bidang ini hingga menyebabkan Frost tidak dapat menerimanya lagi, kata sumber tersebut.

Satu daripada insiden itu yang dilaporkan secara meluas oleh media berlaku semasa Sukan SEA di Brunei Ogos lepas, yang dikatakan menjadi punca retaknya hubungan antara BAM dan Frost.

Frost dikatakan berang dengan campur tangan pengurus pasukan Lim Teong Kiat, yang juga bendahari BAM, mengenai pemilihan pemain untuk beregu campuran pada temasya itu.

Disebalik menyokong Frost dalam perkara ini bahawa jurulatih lebih tahu tentang prestasi pemain-pemain didik daripada orang lain, BAM menyebelahi Lim, dengan berkata pengurus pasukan berhak dan mempunyai kata pemutus mengenai pemilihan pemain.

Frost dikatakan telah mengambil episod ini sebagai tindakan yang mencabar profesionalismanya, terutama apabila pemain yang Lim pilih, Chor Hooi Yee, sedang cedera.

Berikutan itu, Frost dikatakan telah menghantar surat peletakan jawatan kepada Dr Fadzil, tetapi keputusan mengenainya ditangguhkan, sehinggalah pengumuman semalam.

Dr Fadzil ketika dihubungi Bernama hari ini berkata: "Adalah lebih baik kita lupakan episod ini. Frost dan BAM telah bersetuju untuk berpisah dengan baik."

Beliau berkata mendapatkan Frost ke Malaysia adalah satu kejayaan besar bagi sukan badminton Malaysia dan Frost mungkin jurulatih terbaik pernah BAM perolehi.

Ditanya kenapa beliau sebagai ketua BAM membenarkan orang lain mengganggu Frost dalam urusan memilih pemain, beliau berkata: "Itu adalah satu pengajaran yang baik. Kita belajar setiap hari dan mendapat faedah daripadanya."

Dr Fadzil berkata beliau sering memberitahu pegawai BAM supaya

berbincang secara terbuka sesama sendiri apabila cuba mengatasi masalah dan elak daripada bersikap keras kepala.

"Mungkin perhubungan satu masalah yang kami hadapi dan saya akan mengatasi masalah ini dengan segera agar saya dapat memberikan banyak masa dan tumpuan kepada BAM," kata Dr Fadzil, yang pernah menjadi timbalan menteri selama 15 tahun, tetapi digugurkan dari barisan timbalan menteri yang dkumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 10 Dis lalu.

Beliau berkata BAM akan mengadakan mesyuarat tidak lama lagi bagi memutuskan pengganti Frost, dan memulakan tugas itu dengan serta merta bagi meneruskan cabaran besar yang menunggu -- Piala Thomas dan Sukan Olimpik tahun depan.

Tetapi Frost dalam temu ramah dengan Bernama hari ini berkata bahawa beliau belum bersedia untuk memberitahu sebab peletakan jawatannya itu, dan memberitahu akan pulang ke Denmark esok bagi merayakan Krismas selama dua minggu.

"Mungkin pada masa yang lain," kata beliau, yang nyata cuba merahsiakan apa yang beliau akui sebagai satu "kelemahan dalam tempoh penglibatannya di Malaysia."

Beliau berkata beliau gembira dengan penglibatan di Malaysia, walaupun terpaksa menerima jawatan "penuh cabaran" ini.

Beliau juga berkata telah melakukan yang terbaik dan berpuas hati dengan keputusan yang dicapai selama 33 bulan berada di sini, yang mana banyak pemain Malaysia memenangi pertandingan utama antarabangsa.

Frost berkata beliau berharap akan terlibat secara aktif dalam "politik badminton" pada masa akan datang terutama untuk menjadikan badminton sukan dunia yang sebenar.

"Kita masih lagi jauh sebelum badminton boleh dimainkan di seluruh dunia ... ia memang popular di Asia dan Denmark tetapi tidak demikian di Eropah, Amerika, Australia dan New Zealand".

"Saya terbuka dengan cadangan terhadap masa depan saya, tetapi saya berharap akan terlibat dengan Kesatuan Badminton Eropah," kata beliau.

"Apabila saya mengkaji semula, ia tidaklah sebegitu buruk sangat...ada orang berkata kita tidak mencapai banyak kemajuan tetapi saya rasa kita perlu bersabar sedikit sebelum dapat melihat keputusan dari apa yang telah kita rancang," kata beliau.

Macam mana dia lihat masa depan badminton Malaysia, satu-satu sukan yang Malaysia pernah menjadi jaguhnya suatu masa dulu.

Beliau berkata masa depan tetap ada kerana Malaysia mempunyai ramai pemain muda berbakat dan menambah bahawa "Denmark tentunya bangga jika memperolehi ramai pemain terbaik seperti yang anda ada."

Frost berkata beliau berharap dapat melihat banyak lagi mengenai Malaysia sebagai pelancong sebelum mengucapkan "selamat tinggal" pada Mac tahun depan.

-- BERNAMA

AU zb